A

Pendakwa Raya lwn Mar Soon Kit dan satu lagi

B MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45A-23–05 TAHUN 2017
MAT GHANI ABDULLAH PK
11 NOVEMBER 2018

C *Keterangan — Keterangan sokongan — Keperluan untuk mendapatkan keterangan sokongan — Sama ada kegagalan memanggil anggota serbuan menyebabkan kelompangan kes — Kredibiliti saksi — Keterangan saksi polis*

D *Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya 1952 — s 37(da) — Anggapan pengedaran — Sama ada milikan sebenar dibuktikan — Sama ada jagaan dan kawalan dibuktikan*

E Kedua-dua tertuduh telah dipertuduhkan dengan dua pertuduhan iaitu satu pertuduhan dibawah s 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') dan pertuduhan dibawah s 12(2) ADB. Kedua-dua pertuduhan tersebut dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan. Fakta kes adalah SP2 telah menerima satu panggilan telefon daripada orang awam memaklumkan berkenaan aktiviti pengedaran dadah di sekitar kawasan Jalan Idaman Utama, Larkin, Johor F Bahru, Johor menggunakan sebuah kereta Honda Civic hitam nombor pendaftaran WPG 8225 ('kereta tersebut') lebih kurang pada jam 12 malam. Suspek yang terlibat merupakan dua lelaki Cina berusia lingkungan 30-an. SP2 telah mengumpulkan anggota serbuan yang menggunakan pakaian preman dan pada jam 11.45, diketuai oleh SP2, kesemua mereka menuju ke G lokasi sasaran menaiki dua buah kenderaan jabatan yang tidak berlambang. Pada 13 September 2016 jam 12.25 malam, SP2 dan anggota serbuan sampai di lokasi serbuan dan menjalankan rondaan dan pemantauan. Pada jam 12.45 malam, SP2 telah nampak kereta tersebut muncul di Jalan Idaman Utama Larkin. Dan kereta tersebut telah berhenti di hadapan kedai 7-Eleven. H Kedua-dua tertuduh tersebut dikatakan dalam keadaan takut, terkejut dan kelam kabut, dengan tangan ingin menyorok sesuatu dalam kereta tersebut, di bahagian *gear box* kereta. Melihatkan tindakan kedua-dua tertuduh tersebut, SP2 mengarahkan kedua-dua tertuduh agar tidak bergerak dan jangan menyentuh apa-apa. SP2 mengarahkan kedua-dua tertuduh keluar daripada I kenderaan. Kedua-dua tertuduh meronta dan enggan berikan kerjasama. Hanya setelah diberi amaran keras dan ditarik oleh anggota, barulah kedua-dua tertuduh keluar daripada kereta. SP2 kemudian mengarahkan anggotanya untuk jalankan pemeriksaan terhadap tubuh badan kedua-dua tertuduh namun tidak menjumpai apa-apa barang salah. SP2 mengarahkan

SB5 dan seorang lagi anggotanya menjalankan pemeriksaan di bahagian dalam kenderaan, dengan disaksikan oleh kedua-dua tertuduh serta anggota polis yang lain. Menurut SP2 hasil pemeriksaan di dalam kereta tersebut SB5 telah menemui satu beg kain warna hijau tua bertulis POOH yang dikatakan terletak di bahagian central compartment kereta tersebut dan beg tersebut dikatakan dalam keadaan yang terbuka dan tidak berzip. Kedudukan SP2 betul-betul di sebelah SB5 iaitu di pintu kereta tersebut. SP2 mengatakan beliau nampak SB5 mengambil beg tersebut dengan tangannya. Beg kain tersebut dikatakan boleh dilihat dengan mata kasar dan SB2 dikatakan telah mengambil beg tersebut menyerahkan kepada SP2 untuk pemeriksaan lanjut. Pemeriksaan di dalamnya menemui: (a) sepuluh paket plastik lutsinar berisi bahan disyaki dadah jenis syabu; (b) paket plastik lutsinar yang mengandungi tiga biji pil disyaki pil ecstasy; (c) 4 *foil* merah/*silver* mengandungi sembilan biji pil Eramin 5; dan (d) sepuluh *foil* warna merah/*silver* berisi 100 biji pil disyaki Eramin 5. SP2 kemudiannya telah menangkap kedua-dua OKT dan merampas barang kes lalu dibawa ke pejabatnya di IPK Johor. Barang kes dipegang oleh SP2 setelah dirampas. Di IPK Johor, SP2 telah membuat penimbangan dan penandaan serta mengeluarkan borang bongkar terhadap barang yang dirampas. Kemudian pada 13 September 2016 jam 6.45 pagi, kedua-dua OKT, barang kes serta dokumen-dokumen seperti serah menyerah, borang bongkar dan repot tangkap diserahkan kepada SP5. Pemilik kereta tersebut, SP4 telah mengatakan bahawa kereta tersebut miliknya dan dibeli pada sekitar November atau Disember 2015. Kereta tersebut kemudiannya telah dipajakkan kepada tertuduh kedua kerana berhutang wang RM2,000 serta barang dadah dengan tertuduh kedua, pada 2 September 2016. Dokumen carian maklumat terperinci kenderaan dan insurans mengesahkan namanya sebagai pemilik berdaftar P19. SP4 mengatakan bahawa dia hanya kenal tertuduh kedua kerana ada mendapatkan bekalan dadah daripadanya. Analisa ahli kimia, SP3 mengesahkan bahawa kesemua barang-barang kes disyakki dadah terdiri daripada: (i) sepuluh paket plastik mengandungi bahan hablur berwarna putih setelah dianalisis mengandungi 126.06g methamphetamine; (ii) sepuluh kerajang aluminium mengandungi 100 biji tablet bulat oren setelah dianalisis mengandungi 0.63g nimetazepam; dan (iii) satu paket plastik berisi sembilan keratan kerajang aluminium yang mengandungi sembilan biji tablet bulat warna oren dan tiga biji tablet bulat oren, setelah dianalisa mengandungi 0.07g nimetazepam. SP3 turut mengesahkan bahawa methamphetamine dan nimetazepam disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952. Kedua-dua tertuduh telah memilih untuk memberikan keterangan bersumpah dari kandang saksi dan pembelaan juga turut memanggil tiga orang saksi lain. Pembelaan kedua-dua tertuduh adalah bahawa kereta tersebut sebenarnya digunakan oleh majikan tertuduh kedua iaitu Ah Pek yang menukarnya dengan satu kereta Proton Iswara milik Ah Pek. Kereta tersebut tidak dipandu oleh tertuduh kedua sehingga 11 September 2016, dan sepanjang tempoh itu, tertuduh kedua menggunakan kereta miliknya sendiri. Pada 11 September 2016, tertuduh

A B C D E F G H I

kedua telah pergi bersama tertuduh pertama untuk mengambil kenderaan tersebut daripada Ah Pek untuk membaiki *steering shaft*-nya. Pada 12 September 2016, kereta tersebut dipandu oleh tertuduh kedua yang dibawa ke bengkel, kedua-dua tertuduh telah singgah di luar sebuah kedai 7-Eleven dan mereka kemudiannya telah diserbu oleh anggota polis dan mereka tidak cuba melarikan diri. SB5 di dalam keterangannya mengatakan dia telah mengopak penutup plastik di atas ruangan gear box baru menjumpai bag kain tersebut dan pada ketika ia dijumpai, ia berada dalam keadaan berzip. Semasa SB5 menjalani pemeriksaan, beliau berada di tempat penumpang di hadapan kereta, manakala SP2 berada di luar kereta sebelah pemandu. Selepas SB5 menjumpai bag kain tersebut, beliau terus menyerahkannya kepada SP2. Pembelaan menimbulkan isu-isu berikut: (1) terdapat percanggahan dalam keterangan SP2 berkenaan lokasi beg ditemui di atas *central compartment* di mana dikatakan SP2 tidak setuju bahawa ruangan *centre compartment* bertutup dengan panel plastik, sedangkan semasa pemeriksaan utama SP2 menyatakan bahawa beg P5A dijumpai di ruangan centre compartment, oleh itu pembelaan mendakwa terdapat kesangsian yang serius dalam bukti jagaan dan kawalan dadah; (2) kegagalan pihak pendakwaan memanggil L/K 175199 (Amirul Hakim) dan Konst 191308 (Jong Tze Kiong) dalam memberikan keterangan untuk menyokong keterangan SP2 mengenai lokasi sebenar dadah ditemui; (3) pihak pendakwaan mempunyai 'duty to exclude' fakta sama ada semasa SP4 serahkan kenderaan kepada tertuduh kedua, adakah SP4 ada meletakkan apa-apa barang salah di dalam kereta tersebut; dan (4) kegagalan pihak pendakwaan memanggil L/Kpl Muhammad Amirul Hakim (SB5) telah menjejaskan kes pihak pendakwaan dan membangkitkan anggapan bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950.

Diputuskan, melepaskan dan membebaskan kedua-dua tertuduh dari kedua-dua pertuduhan:

(1) Keterangan SP2 tidak memerlukan keterangan sokongan. Malah tiada keperluan untuk memanggil dua saksi berbeza hanya untuk membuktikan satu fakta di mana lokasi dadah ditemui (lihat perenggan 26).

(2) Keterangan SP2 sudah cukup dan kredibel untuk membuktikan inti pati pertuduhan terhadap kedua-dua OKT. Adalah prinsip mantap bahawa kegagalan memanggil anggota serbuan selain daripada SP5 dalam kes tersebut, tidak menyebabkan kelompangan dalam kes pendakwaan (lihat perenggan 29).

(3) Apabila pihak pendakwaan bergantung kepada anggapan pengedaran dibawah s 37(da) ADB, pihak pendakwaan terlebih dahulu hendaklah membuktikan elemen milikan. Tertuduh mempunyai beban atas imbangan kebarangkalian untuk mematahkan anggapan tersebut. Memandangkan pendakwaan gagal membuktikan pemilikan sebenar,

maka anggapan di bawah seksyen ini tidak beroperasi untuk membuktikan bahawa tertuduh mengedar dadah tersebut (lihat perenggan 36 & 52).

(4) Terdapat keraguan yang munasabah terhadap keterangan SP2 terutamanya keberadaan beg POOH di dalam kereta tersebut yang mana SB5 dikatakan telah menemui beg kain tersebut yang terletak di bahagian *central compartment* kereta tersebut, dan beg dalam keadaan yang terbuka dan tidak berzip ketika ditangkap oleh SP2 dan anggota-anggotanya. Kedua-dua tertuduh dari mula lagi pada peringkat kes pendakwaan menyangkal dan menafikan keterangan SP2 berkenaan dengan penemuan beg tersebut. Penilaian yang teliti dan berhati-hati terhadap keterangan SP2 dan SP5 berpadanan dengan pembelaan tertuduh bahawa, walaupun mereka berdua mempunyai kawalan dan jagaan terhadap kereta tersebut, tetapi mereka tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang dipersoalkan (lihat perenggan 37–39).

(5) Jagaan dan kawalan tidak dapat dibuktikan memandangkan beg tersebut telah dijumpai di dalam *central compartment* yang berhampiran gearbox dan bukannya di atas *central compartment*, beg tersebut tidak boleh dilihat dengan mata kasar, beg tersebut dalam keadaan tertutup (lihat perenggan 42).

(6) Keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi polis wajar diterima oleh mahkamah sekiranya ia boleh dipercayai dan diyakini walaupun tidak disokong oleh keterangan bebas yang lain. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna keterangan saksi-saksi polis hendaklah diterima dalam apa jua keadaan pun (lihat perenggan 44).

[English summary

Both the accused were charged with two charges, the first being under s 39B of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA') and one charge under s 12(2) of the DDA. Both the charges were read together with s 34 of the Penal Code. The facts of the case was that SP2 had received a phone call from a member of the public informing regarding an activity concerning trafficking of drugs around the Jalan Idaman Utama, Larkin, Johor Bahru, Johor area using a Honda Civic bearing registration No WPG 8225 ('the said car') at around 12pm. The suspects involved were two Chinese men in their thirties. SP2 had assembled a raiding team using civilian clothes and at around 11.45pm, lead by SP2, they were all heading towards the target location on two unmarked department cars. On 13 September 2016 at around 12.25am, SP2 and the raiding team arrived at the raiding location and conducted patrols and surveillance. At around 12.45am, SP2 saw the said car appeal at the Jalan Idaman Utama Larkin. The said car stopped in front of a 7-Eleven. Both the accused were said to be in fear, shock and lathered, with their hands trying to conceal something in the said car

at the gear box portion of the said car. Observing the actions of the two accused, SP2 instructed the two accused to not move or touch anything. SP2 instructed the two accused to exit the said vehicle. Both the accused struggled and refused to cooperate. Only after a strong warning and being pulled by the police officers did the two accused exit the said car. SP2 then instructed his officers to conduct a body examination on the tow accused however did not found any incriminating items. SP2 then instructed SB5 and another office to conduct an examination inside the car witnesses by both the accused and the other police officers. According to SP2, the result of the examination in the said car was that SB5 had found one green cloth bag with the writing POOH which was said to be found in the central compartment of the said car and the said bag was said to be opened and unzipped. SP2's position as right next to SB5 being at the door of the said car. The said bag is said to be visible with the naked eye and SB2 was said to have taken the beg and passed it to SP2 for further examination. An inspection of its contents resulted in the findings of: (a) ten clear packets containing substance suspected to be syabu; (b) clear plastic packets which contained three pills suspected to be ecstasy; and (c) four red/silver foils containing nine Eramin 5 pills; and (d) ten red/silver foils containing 100 pills suspected to be Eramin 5. SP2 then arrested both the accused and seized the items in relation to the case which was then brought to his office at the Johor IPK. The seized items were in the held by SP2 after it was seized. At the Johor IPK, SP2 weighed and marked as well as issued seizure forms in relation to the items that were seized. Then, on 13 September 2016 at 6.45am, both the accused, the items related to the case, as well as documents such as delivery, seizure form as well as the arrest report was delivered to SP5. The owner of the said car SP4 stated that the said car belonged to him and was bought around November or December 2015. The said car was then mortgaged to the second accused because he owed RM2,000 as well as drugs from the second accused, on 2 September 2016. The document pertaining to the search of detailed particulars and insurance confirmed that his name is the registered owner of P19. SP4 stated that he only knew the second accused because he would get his supply of drugs from him. The analysis conducted by the chemist, SP3 confirmed that all the items relating to the case that was suspected to be drugs consisted of: (i) ten plastic packets containing white crystals which after analysed contained 126.06g of methamphetamine; (ii) ten aluminium tinfoil containing 100 round orange tablets, which after analysed contained 0.63g nimetazepam; and (iii) one plastic packet containing nine aluminium tinfoil which contained nine round orange tablets and three round orange tablets which after analysed contained 0.07g nimetazepam. SP3 also confirmed that methamphetamine and nimetazepam was listed in the First Schedule of the DDA. Both the accused chose to give sworn evidence from the witness stand and the defence also called three other witnesses. The defence of the accused was that the said car was actually used by the employer of the accused being Ah Pek who swapped it with a Proton Iswara belonging to Ah Pek. The said car was not driven by the second accused until 11 September 2016, and in that time,

the second accused used his own car. On 11 September 2016, the second accused went with the first accused to take the said car from Ah Pek to repair its steering shaft. On 12 September 2016 the said car which was driven by the second accused was bought to the workshop, both the accused had stopped outside an 7-Eleven and they were then raided by the police and they did not try to escape. SB5 in his evidence stated that he had forced open the plastic cover above the gearbox where only then did he find the said cloth bag and when it was found it was zipped. When SB5 conducted his examination, he was at the front passenger seat , while SP2 was outside the said car on the driver's side. When SB5 found the said cloth bag, he immediately passed it to SP2. The defence raised the following issues: (1) there were contradictions between the evidence of SP2 regarding where the bag was found on the central compartment where it was said that SP2 did not agree that the centre compartment was covered by a plastic cover whilst in SP2's examination in chief SP2 stated that P5A was found in the centre compartment, therefore the defence contends that there was a serious doubt in the evidence pertaining to the custody and control of the drugs; (2) the failure of the prosecution to call L/K 175199 (Amirul Hakim) dan Konst 191308 (Jong Tze Kiong) to give evidence to support SP2's evidence pertaining to the actual place where the drugs were found; (3) the defence had a duty to exclude the fact whether SP4 delivered the said vehicle to the second accused did SP4 place any wrongful items in the said car; (4) the prosecution's failure to call L/Kpl Muhammad Amirul Hakim (SB5) had affected the case of the prosecution and raised an adverse inference under s 114(g) of the Evidence Act 1950.

Held, acquitting and discharging both the accused from both charges:

(1) The evidence of SP2 did not need corroboration. In fact there is no need to call two different witnesses to prove one fact as to where were the drugs found (see para 26).

(2) SP2's evidence was sufficient and credible top prove the elements of the charge against the two accused. It is trite that failure to call raiding officers other than SP5 in the said case did not cause any gaps in the prosecution's case (see para 29).

(3) When the prosecution relied on the presumption of trafficking under s 37(da) of the DDA, the prosecution had to first establish the element of possession. The accused has a burden on a balance of probabilities to rebut the said presumption. Considering the prosecution failed actual possession, therefore the presumption under this section is inoperable to prove that the accused had trafficked the said drugs (see paras 36 & 52).

(4) There was a reasonable doubt as to the evidence of SP2 especially as to the location of the POOH bag in the said car where SB5 was said to have found the bag in the central compartment of the said car and the bag was in an open and unzipped condition when arrested by SP2 and his officers.

Both the accused from the beginning, during the prosecution's case refuted and denied the evidence of SP2 concerning the discovery of the said bag. A careful examination of SP2 and SP5 matched with the defence of the accused which is, even though they both had control and custody of the said car, they had no knowledge of the impugned drugs (see paras 37–39).

(5) Control and custody could not be proven since the said bag was found in the central compartment near the gearbox and not on the central compartment, the said bag could not be seen with the naked eye, the said bag was in a closed condition (see para 42).

(6) The evidence that was given by the police witnesses ought to be accepted by the court if it was convincing and trustworthy though unsupported by other independent evidence. Though, this did not mean that the evidence that the police witnesses had to be accepted in any circumstance (see para 44).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai keperluan untuk mendapatkan keterangan sokongan, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 6451–6481.

Kes-kes yang dirujuk

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)
Ibrahim Mohamad & Anor v PP [2011] MLJU 1491; [2011] 4 CLJ 113, MP (dirujuk)
Kesavan Krishnan lwn PP & Satu Lagi Rayuan [2015] 6 CLJ 163, MR (dirujuk)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734, MR (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ Rep 311, MA (dirujuk)
PP v Badrulsham bin Baharom [1988] 2 MLJ 585 (dirujuk)
Md Zainudin bin Raujan v PP [2013] 3 MLJ 773; [2013] 4 CLJ 21, MP (dirujuk)
PP v Zulkifli bin Arshad [2011] 1 MLJ 599; [2010] 6 CLJ 121, MP (diikut)
PP v Yuvaraj [1969] 2 MLJ 89; [1968] 1 LNS 115, PC (dirujuk)
Parlan bin Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717, MP (dirujuk)
Tahir v State (Delhi) [1996] 3 SCC 338, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 12(2), 37(da), 37(da)(xvi), 39B, Jadual Pertama
Akta Keterangan 1950 ss 60(a), 114(g)
Kanun Tatacara Jenayah s 182A
Kanun Keseksaan s 34

Muhammad Taufik bin Saberi (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak plaintif.
Yoong How Kiat (HK Yoong) bagi pihak defendan.

Mat Ghani Abdullah PK:

[1] Dalam kes ini, kedua-dua OKT telah dipertuduhkan secara bersama dengan dua pertuduhan iaitu dibawah s 39B Akta Dadah Berbahaya ('ADB') dan s 12(2) ADB dengan dibaca di bawah s 34 Kanun Keseksan seperti berikut:

PERTUDUHAN PERTAMA:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 13.9.2016, jam lebih kurang 12.25 malam, bertempat di Jalan Idaman Utama, Larkin, dalam Daerah Johor Bahru, dalam Negeri Johor telah didapati memperedarkan dadah berbahaya, iaitu sejumlah berat bersih *126.06 gram Methamphetamine* dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama, dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

PERTUDUHAN KEDUA:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 13.9.2016, jam lebih kurang 12.25 malam, bertempat di Jalan Idaman Utama, Larkin, dalam Daerah Johor Bahru, dalam Negeri Johor telah didapati memiliki dadah berbahaya, iaitu sejumlah berat bersih *0.7 gram Nimetazepam* dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 12(3) Akta yang sama, dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[2] Kedua-dua tertuduh mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan terhadap pertuduhan yang dibacakan. Pihak pendakwaan telah memanggi seramai lima orang saksi untuk membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh. Mereka adalah:

(a) SP1 Konstable Farhan bin Samsani (jurustor);

(b) SP2 ASP Ng Han Shoong (pegawai serbuan);

(c) SP3 Liew Chyi (Jabatan Kimia);

(d) SP4 Muhamad Khairul bin Eusop; dan

(e) SP5 Insp Mohd Afis bin Zaniah.

FAKTA KES PIHAK PENDAKWAAN

[3] Fakta kes pihak pendakwaan yang membawa kepada pertuduhan ini sepertimana keterangan saksi-saksi adalah seperti berikut: Menurut ASP Ng Han Shoong (SP2) bahawa pada 12 September 2016 jam lebih kurang

8 malam telah menerima satu panggilan telefon daripada orang awam memaklumkan berkenaan aktiviti pengedaran dadah di sekitar kawasan Jalan Idaman Utama, Larkin, Johor Bahtu, Johor menggunakan sebuah kereta Honda Civic hitam nombor pendaftaran WPG 8225 lebih kurang pada jam 12 malam. Suspek yang terlibat merupakan dua lelaki cina berusia lingkungan 30-an.

[4] Pada jam 11 malam, SP2 telah mengumpulkan anggota serbuan terdiri daripada seorang pegawai dan tujuh anggota yang lain di pejabat Narkotik IPK Johor dan memberi taklimat kepada mereka. Pada jam 11.45, diketuai oleh SP2, kesemua mereka menuju ke lokasi sasaran iaitu di Jalan Idaman Utama, Larkin, Johor Bahru, Johor menaiki dua buah kenderaan jabatan yang tidak berlambang. Pakaian yang dipakai oleh SP2 dan anggota serbuan ialah pakaian preman.

[5] Pada 13 September 2016 jam 12.25 malam, SP2 dan anggota serbuan sampai di lokasi serbuan dan menjalankan rondaan dan pemantauan. Pada jam 12.45 malam, SP2 telah nampak kenderaan Honda Civic warna hitam bernombor pendaftaran WPG 8225 (eksh P19) muncul di Jalan Idaman Utama Larkin. Dan kereta tersebut telah berhenti di hadapan kedai 7-Eleven.

[6] SP2 dan anggota serbuan telah menghampiri kenderaan tersebut dari arah belakang kenderaan dan mengarahkan pemandu menurunkan tingkap kenderaan dan memperkenalkan diri sebagai pegawai kanan polis dengan menunjukkan kad kuasa polis kepada dua lelaki cina di dalam kereta tersebut iaitu OKT1 (duduk di bahagian pemandu) dan OKT2 (duduk di bahagian penumpang hadapan).

[7] Menurut SP2 kedua-dua OKT tersebut dikatakan dalam keadaan takut, terkejut dan kelam kabut, dengan tangan ingin menyorok sesuatu dalam kereta tersebut (di bahagian *gear box* kereta). Melihatkan tindakan kedua-dua OKT tersebut, SP2 mengarahkan kedua-dua OKT agar tidak bergerak dan jangan menyentuh apa-apa. SP2 mengarahkan kedua-dua OKT keluar daripada kenderaan. Kedua-dua OKT meronta dan enggan berikan kerjasama. Hanya setelah diberi amaran keras dan ditarik oleh anggota, barulah kedua-dua OKT keluar daripada kereta. SP2 kemudian mengarahkan anggotanya iaitu KPL 136728 dan KPL 142859 untuk jalankan pemeriksaan terhadap tubuh badan kedua-dua OKT namun tidak menjumpai sebarang barang salah.

[8] SP2 mengarahkan L/KPL 175199 Muhammad Amirul Hakim bin Hasan (SB5) dan KONST 191308 (Jong Tze Kiong) menjalankan pemeriksaan di bahagian dalam kenderaan, dengan disaksikan oleh kedua-dua

OKT serta anggota polis yang lain. Menurut SP2 hasil pemeriksaan di dalam kereta tersebut SB5 telah menemui satu beg kain warna hijau tua bertulis 'POOH' (eksh P5A) yang dikatakan terletak di bahagian *central compartment* kereta Honda Civic tersebut. Dan beg tersebut dikatakan dalam keadaan yang terbuka dan tidak berzip. Kedudukan SP2 betul-betul di sebelah SB5 iaitu di pintu kereta tersebut. SP2 mengatakan beliau nampak SB5 mengambil beg tersebut dengan tangannya. Beg kain tersebut dikatakan boleh dilihat dengan mata kasar dan SB2 dikatakan telah mengambil beg tersebut menyerahkan kepada SP2 untuk pemeriksaan lanjut. Pemeriksaan di dalamnya menemui:

(a) sepuluh paket plastik lutsinar berisi bahan disyaki dadah jenis syabu;

(b) paket plastik lutsinar yang mengandungi tiga biji pil disyaki pil ecstasy dan empat *foil* merah/*silver* mengandungi sembilan biji pil Eramin 5; dan

(c) sepuluh foil warna merah/silver berisi 100 biji pil disyaki Eramin 5.

[9] SP2 kemudiannya telah menangkap kedua-dua OKT dan merampas barang kes lalu dibawa ke pejabatnya di IPK Johor. Barang kes dipegang oleh SP2 setelah dirampas. Di IPK Johor, SP2 telah membuat penimbangan dan penandaan serta mengeluarkan borang bongkar terhadap barang yang dirampas. Kemudian pada 13 September 2016 jam 6.45 pagi, kedua-dua OKT, barang kes serta dokumen-dokumen seperti serah menyerah, borang bongkar dan repot tangkap diserahkan kepada pegawai penyiasat (SP5) iaitu Insp Mohd Afis bin Zaniah.

[10] Pemilik kereta Honda Civic hitam WPG 8225 (P19), iaitu Muhamad Khairul bin Eusop (SP4) di dalam keterangannya mengatakan bahawa kereta tersebut miliknya dan dibeli pada sekitar November atau Disember 2015. Kereta tersebut kemudiannya telah dipajakkan kepada OKT2 kerana berhutang wang RM2000 serta barang dadah dengan OKT2, pada *2 September 2016*. Dokumen carian maklumat terperinci kenderaan dan insurans (eksh P15) mengesahkan namanya sebagai pemilik berdaftar P19. SP4 mengatakan bahawa dia hanya kenal OKT2 (Ang Bu Chuan) kerana ada mendapatkan bekalan dadah daripadanya.

[11] Kesemua barang-barang kes disyaki dadah syabu, Erimin 5 dan ecstasy yang dirampas dari dalam kereta Honda Accord (P19) telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia Cawangan negeri Johor. Ahli Kimia Puan Liew Chyi (SP3) mengesahkan bahawa:

(a) sepuluh paket plastik (bertanda A1–A10) mengandungi bahan hablur berwarna putih setelah dianalisis mengandungi 126.06g methamphetamine;

(b) sepuluh kerajang aluminium (bertanda E1–E10) mengandungi 100 biji tablet bulat oren setelah dianalisis mengandungi 0.63g nimetazepam; dan

(c) satu paket plastik bertanda F berisi sembilan keratan kerajang aluminium yang mengandungi sembilan biji tablet bulat warna oren dan tiga biji tablet bulat oren, setelah dianalisa mengandungi 0.07g nimetazepam.

[12] Ahli Kimia, SP3 telah mengesahkan bahawa methamphetamine dan nimetazepam disenaraikan di dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

ANALISA DAN DAPATAN MAHKAMAH

[13] Beban pembuktian pihak pendakwaan di akhir kes pendakwaan adalah di tahap 'prima facie'. Maksud prima facie telah diputuskan dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734 di mana Gopal Sri Ram JCA menyatakan, antara lain:

> In our view, subject to the evidence and the prosecution to *maximum evaluation to determine if the defence is to be called does not mean that the prosecution has to prove its case beyond reasonable doubt* at this intermediate stage.

[14] Prinsip ini menggunapakai di dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85 Mahkamah Persekutuan Malaysia memutuskan:

> A prima facie case is therefore one that is *sufficient for the accused to be called upon to answer*. This in turn means that the *evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal* ... The result is that the force of the evidence adduced must be such that, *if unrebutted, it is sufficient to induce the court to believe in the existence of the facts stated in the charge* or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts exist or did happen. On the other hand if a prima facie case has not been made out it means that there is no material evidence which can be believed in the sense as described earlier. In order to make a finding either way the *court must*, at the close of the case for the prosecution, *undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the elements of the offence have been established.*

[15] Pihak pendakwaan hendaklah membuktikan bagi pertuduhan pertama di bawah s 39B ADB 1952 dan pertuduhan kedua-dua di bawah s 12(2) ADB 1952:

(a) bahawa pada tarikh masa dan tempat yang dinyatakan, kedua-dua OKT mempunyai pemilikan terhadap dadah-dadah tersebut tersebut;

(b) berat bersih dadah yang dirampas ialah *126.06g methamphetamine* dan *0.7g nimetazepam*;

(c) methamphetamine dan nimetazepam tersenarai di bawah Bahagian III Jadual Pertama ADB 1952 sebagai dadah berbahaya;

(d) pemakaian anggapan pengedaran di bawah s 37(da)(xvi) Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi dadah jenis methamphetamine 126.06g; dan

(e) niat bersama OKT di bawah s 34 Kanun Keseksaan.

[16] Mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa OKT1 dan OKT2 mempunyai *power of disposal/power to deal as owner* (*custody*) terhadap barang kes dadah tersebut mengambil kira keterangan berikut:

(a) OKT1 duduk di tempat pemandu manakala OKT2 duduk di bahagian penumpang hadapan (keterangan SP2);

(b) barang kes dadah ditemui di tengah-tengah kedua-dua OKT iaitu di ruangan *centre compartment* kereta tersebut (keterangan SP2);

(c) barang kes dalam keadaan tidak tersorok dan boleh dilihat dengan mata kasar (keterangan SP2); dan

(d) SP4 mengesahkan kereta *P19* telah dipajakkan kepada OKT2 pada 2 September 2016, iaitu kira-kira 12 hari sebelum tangkapan tersebut. Ini menunjukkan kereta tersebut di bawah pemilikan OKT2.

[17] Prinsip mengenai pengetahuan (*knowledge*) dijelaskan di dalam kes *Public Prosecutor v Badrulsham bin Baharom* [1988] 2 MLJ 585. Berdasarkan dapatan di atas mahkamah mendapati bahawa kedua-dua OKT mempunyai pengetahuan berkenaan dadah tersebut mengambilkira keterangan-keterangan. Ini juga kerana SP2 menyatakan reaksi OKT1 dan OKT2 terkejut apabila SP2 memperkenalkan diri sebagai polis dan OKT1 dan OKT2 cuba mencapai dengan tangan di bahagian centre compartment sebelum diarahkan oleh SP2 supaya jagan bergerak. Selain OKT1 dan OKT2 meronta enggan berikan kerjasama apabila diarahkan keluar daripada kenderaan sebelum diberi amaran keras oleh SP2 dan ditarik keluar oleh anggota serbuan yang lain (rujuk kes *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717).

[18] Bagi elemen pengedaran pihak pendakwaan bergantung pemakaian anggapan di bawah s 37(da)(xvi) Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi dadah jenis methamphetamine 126.06g. Pemakaian anggapan di bawah s 37(da) ADB 1952 ini diterangkan di dalam kes *Public Prosecutor v Zulkifli bin Arshad* [2011] 1 MLJ 599; [2010] 6 CLJ 121.

[19] Berdasarkan kepada penghakiman di dalam kes *Public Prosecutor v Zulkifli bin Arshad* [2011] 1 MLJ 599; [2010] 6 CLJ 121 tersebut, sekiranya pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa elemen pemilikan telah dipenuhi, Mahkamah *mestilah* menggunapakai *presumption of trafficking*. Di dalam kes tersebut, meskipun pemilikan bagi 200g lebih *cannabis* telah dibuktikan terhadap tertuduh, kedua-dua Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan telah gagal menggunakapakai *presumption* di bawah s 37(da) ADB 1952.

[20] Oleh yang demikian berdasar alasan di atas pihak pendakwaan telah membuktikan elemen pemilikan dadah terhadap OKT1 dan OKT2 mengambilkira keterangan yang ada dan mahkamah ini menggunapakai anggapan mengedar (*invoke presumption of trafficking*) di bawah s 37(da)(xvi) ADB 1952.

[21] Mahkamah ini juga mendapati bahawa pihak pendakwaan telah memenuhi elemen niat bersama kedua-dua OKT di bawah s 34 Kanun Keseksaan. Inti pati di bawah s 34 Kanun Keseksaan diterangkan di dalam buku *Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes* (Vol 1) di ms 116:

> 8. Common intention, essential ingredient — The *consensus of minds of person to bring about certain result having criminal propensity and participation in criminal act in some manner* is essential ingredient of common intention. To attract Section 34 of the Code, *no overt act is needed on the part of the accused if he shares the common intention with others* in respect of the ultimate criminal act, which *may be done by anyone of the accused sharing such intention*.
>
> Under the providion of S34 the essence of liability is to be found in the existence of a common intention animating the accused leading to the doing of a criminal act in furtherance of such intention. Section 34 is applicable even if no injury has been caused by the particular accused himself. For applying Section 34 it is *not necessary to show some overt act* on the part of the accused.
>
> In case of participation without overt act Section 34 can be invoked. For invoking section 34 (i) common intention and (ii) participation of an accused in commission of an offence are required. The overt act is not necessary to be proved when common intention has already been proved as it involves vicarious liability. *Further common intention is to be inferred from facts and circumstances of each case when there is absence of direct evidence.*

[22] Di dalam kes kita sekarang adalah dapatan mahkamah ini bahawa pihak Pendakwaan telah membuktikan elemen s 34 Kanun kerana kedua-dua OKT hadir secara fizikal (*physically presence*) di tempat kejadian di mana menurut SP2, semasa beliau menghampiri kenderaan didapati OKT1 duduk di bahagian pemandu manakala OKT2 duduk di bahagian penumpang hadapan. Keterangan kepada *facts and circumstances* di dalam kes ini secara keseluruhannya dalam menunjukkan adanya isu *common intention* dan

pre-arranged plan.

ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN OLEH PEGUAM

[23] Pembelaan menimbulkan beberapa isu di dalam hujahan mereka, akan tetapi pada dasarnya isu tersebut berkenaan lokasi sebenar beg P5A ditemui. Pembelaan mendakwa terdapat percanggahan dalam keterangan SP2 berkenaan lokasi beg P5A ditemui di atas *central compartment* di mana dikatakan SP2 tidak setuju bahawa ruangan *centre comp*artment bertutup dengan panel plastik, sedangkan semasa pemeriksaan utama SP2 menyatakan bahawa beg P5A dijumpai di ruangan *centre compartment* di bahagian ditunjukkan dengan anak panah dalam P11(2). Oleh itu pembelaan mendakwa terdapat kesangsian yang serius dalam bukti jagaan dan kawalan dadah

[24] Bagi isu pihak pendakwaan menghujahkan bahawa tiada percanggahan dalam keterangan SP2. Ini kerana semasa pemeriksaan utama SP2 hanya menerangkan bahawa gambar di P11(2) adalah 'gambar *emphasize central compartment*' di mana dadah dijumpai berdekatan *gear stick* kereta. Gambar di P11(2) berdasarkan keterangan SP2 hanya menyatakan lokasi sahaja iaitu penerangan yang umum (*general*). Manakala semasa pemeriksaan balas, SP2 telah menjelaskan dengan spesifik bahawa dadah di dalam P5A ditemui di atas *central compartment* dalam keadaan terbuka dan tidak berzip.

[25] Peguam juga membangkitkan isu berkenaan dengan panel plastik tersebut dibuka. Akan tetapi ini telah dijelaskan oleh pegawai penyiasat (SP5) dalam keterangannya semasa diperiksa balas peguam OKT2 serta pemeriksaan semula. Mengikut percakapan ASP Ng, '... setelah jumpa barang kes atas compartment, barulah dibuka cover penutup tersebut untuk periksa jika ada jumpa barang kes lain'.

[26] Pembelaan juga membangkit isu kegagalan pihak Pendakwaan memanggil L/K 175199 (Amirul Hakim) dan Konst 191308 (Jong Tze Kiong) dalam memberikan keterangan untuk menyokong keterangan SP2 mengenai lokasi sebenar dadah ditemui. Bagi isi, pihak pendakwaan menghujahkan bahawa SP2 hadir sendiri dan melihat di mana beg P5A diambil oleh LK 175199 dan diserahkan kepadanya. Fakta ini merupakan fakta yang dilihat sendiri oleh SP2 (s 60(a) Akta Keterangan 1950). Keterangan SP2 ini tidak memerlukan keterangan sokongan (*corroboration*). Malah tiada keperluan untuk memanggil two saksi berbeza hanya untuk membuktikan satu fakta di mana lokasi dadah ditemui. Oleh itu tiada kelompangan di dalam kes pendakwaan pada tahap ini.

[27] Pembelaan juga membangkitkan isu bahawa pihak pendakwaan ada

duty to exclude sama ada semasa SP4 serahkan kenderaan kepada OKT2, adakah SP4 ada meletakkan apa-apa barang salah di dalam kereta tersebut. Bagi isu berdasarkan keterangan SP4, dia mengatakan dia tidak tahu menahu berkenaan dadah yang ditemui dalam kenderaan tersebut.

[28] Pembelaan turut menimbulkan isu bahawa kegagalan pihak pendakwaan memanggil L/Kpl Muhammad Amirul Hakim (SB5) telah menjejaskan kes pihak pendakwaan dan membangkitkan anggapan bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950. Ini kerana L/Kpl Muhamad Amirul Hakim yang menjumpai eksh P5A di dalam kereta tersebut dan bukannya SP2 dan lagipun pembelaan mempertikaikan bahawa barang kes ditemui di dalam bahagian *centre compartment* yang tertutup dan ditemui setelah diumpil.

[29] Bagi isu ini, pihak pendakwaan menegaskan bahawa SP2 telah membuat demonstrasi kedudukannya dan SB5 semasa pemeriksaan dibuat. Oleh itu SP2 memberikan keterangan yang konsisten di mana beliau menyatakan beliau sendiri nampak di mana barang kes diambil oleh SB5. Beliau juga menyatakan bahawa beliau dan L/Kpl Amirul sama-sama menjumpai beg kain P5A tersebut. Oleh itu tidak timbul keadaan di mana terdapat *gap* dalam *unfolding the narrative of the prosecution case* seperti didakwa oleh pihak pembelaan. Ini kerana berdasarkan keterangan SP2 sudah cukup dan kredibel untuk membuktikan inti pati pertuduhan terhadap kedua-dua OKT. Adalah prinsip mantap bahawa kegagalan memanggil anggota serbuan selain daripada SP5 dalam kes tersebut, tidak menyebabkan kelompangan dalam kes pendakwaan. Sebagai panduan prinsip ini rujuk kes *Md Zainudin bin Raujan v Public Prosecutor* [2013] 3 MLJ 773; [2013] 4 CLJ 21 dirujuk di mana di para 55 Mahkamah Persekutuan memutuskan:

> [55] PW5 was a police witness. The learned trial judge found him to be a credible witness. It is true that the prosecution's case rested solely on the evidence on PW5. However, under the law there is no requirement for his evidence to be corroborated. The learned trial judge believed PW5 and as such his evidence was sufficient to establish the case for the prosecution. Any requirement for PW5's evidence to be corroborated will conflict with s 134 of the Evidence Act 1950 which provides that no particular number of witnesses shall in any case be required for proof of any fact (see *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85).

KEPUTUSAN PADA AKHIR KES PIHAK PENDAKWAAN

[30] Setelah menimbang dan membuat penilaian maksima terhadap keterangan yang dikemukakan saya mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap kedua-dua tertuduh bagi kesemua pertuduhan yang dikenakan terhadap mereka yang sekiranya tidak disangkal akan mengakibatkan (*warrant*) kesabitan. Oleh itu kedua-dua tertuduh diperintahkan dipanggil untuk membela diri.

[31] Anggapan (*presumption*) di bawah s 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 terhadap yang kedua-dua tertuduh bagi pertuduhan pertama. Ekoran dapatan ini kedua-dua OKT telah diterangkan tiga opsyen pembelaan.

KES PEMBELAAN

[32] Kedua-dua tertuduh telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah dari kandang saksi. Selain dari kedua-dua mereka, pihak pembelaan turut memanggil tiga orang lagi saksi untuk kes pihak pembelaan. Di akhir kes pihak pendakwaan, timbalan pendakwa raya telah menawarkan saksi pendakwaan yang tidak dipanggil. Ini termasuk L/Kpl Amirul (SB5).

[33] Secara ringkasnya keterangan matan tertuduh adalah seperti berikut:

(a) pihak pembelaan telah memanggil lima orang saksi, termasuk kedua OKT sendiri. Keterangan saksi-saksi OKT secara kumulatif adalah seperti berikut;

(b) pada sekitar masa kejadian, OKT1 tidak bekerja dan tiada tempat kediaman yang tetap. Oleh itu, OKT1 telah menumpang tinggal di apatmen sewa OKT2 di Palazio, Mount Austin, Johor Bahru, semenjak tiga hari sebelum tarikh kejadian, iaitu 10 September 2016;

(c) OKT2 mengakui telah menerima Honda Civic tersebut daripada SP4, tetapi ia adalah sebab SP4 telah menghendakkannya supaya sambung bayar bayaran ansuran kereta itu dan OKT2 telah memberikannya suatu kereta Proton Iswara sebagai ganti. Proton Iswara tersebut adalah milik majikan OKT2, yang bernama nama panggilan 'Ah Pek'. Ia telah habis dibayar, tetapi keadaannya sudah tidak baik dan tiada *power steering*. Oleh itu, Ah Pek telah meminta OKT2 untuk menguruskan pertukaran kereta dengan SP4 dan Ah Pek yang membuat sambung bayar bayaran ansuran yang berjumlah RM1,200 sebulan;

(d) selepas menerima Honda Civic tersebut, OKT2 telah menyerahkannya kepada Ah Pek dan tidak pernah memandu kereta itu sehingga 11 September 2016. Sepanjang tempoh itu, OKT2 memakai kereta sendiri, iaitu Toyota Vios No JND 1991. Pada 11 September 2016, OKT2 telah mengambil Honda Civic tersebut daripada Ah Pek di Kondominium M' Tiara, Jalan Larkin Idaman, Larkin, kerana Ah Pek menghendakkan OKT2 membaiki *steering shaft*-nya yang berbunyi. Kondominium tersebut adalah disewa atas nama OKT2 tetapi dihuni oleh Ah Pek;

(e) OKT2 yang mengajak OKT1 untuk pergi mengambil kereta bersama dalam kereta Toyota Vios tersebut. OKT1 tidak kenal dengan Ah Pek. Sesampai di Larkin, OKT1 naik ke kondominium tersebut untuk mengambil kunci Honda Civic tersebut sementara OKT1 menunggu di

dalam Toyota Vios tersebut. Kemudian OKT2 membawa Honda Civic tersebut manakala OKT1 membawa Toyota Vios tersebut balik ke Palazio, Mount Austin, di mana Honda Civic diletak di tempat letak kereta dan tidak dibawa keluar sehingga keesokan hari;

(f) pada 12 September 2016, pada suatu waktu di sebelah siang, ikut kata OKT2, dia telah membawa Honda Civic tersebut ke bengkel untuk dibaiki. Selepas itu, pada lebih kurang pukul 6 atau 7 malam, OKT2 membawa balik kereta ke Palazio, Mount Austin, dan keluar bersama OKT1 dalam kereta tersebut. Kedua-dua OKT pergi dahulu ke pasaraya Jusco, Plentong, untuk membeli *T-shirt* dan barang kegunaan harian. Kemudian, mereka pergi ke sebuah kedai aksesori motokar di Permas Jaya untuk memasang *tinted glass* pada kereta tersebut. Semasa di sana, kereta diserah kepada pekerja kedai untuk melakukan kerja pemasangan. Kemudian, OKT2 ingin berjumpa dengan seorang kawannya di sebuah apatmen di Senibong, Permas Jaya, dan kedua OKT pun pergi bersama dalam Honda Civic tersebut;

(g) sepanjang masa ini, Honda Civic tersebut adalah dipandu oleh OKT2 sehingga mereka meninggalkan apatmen kawan OKT2 di Senibong, Permas Jaya, apabila OKT2 ingin menghantar balik kereta tersebut kepada Ah Pek di Larkin. Pada masa ketika itu, OKT2 kata dia berasa letih dan OKT1 pun menawarkan diri untuk memandu kereta ke Larkin;

(h) sesampai di kawasan Larkin, kedua OKT singgah di tepi Jalan Idaman Utama, atas ruangan pakir awam di luar sebuah kedai 7-Eleven. Selepas hanya lebih kurang 5–10 minit, mereka pun diserbu dan disekat oleh anggota polis. Mereka terkejut apabila diserbu secara tiba-tiba dan pada ketika itu adalah lebih kurang pukul 12.45 malam dan kawasan itu gelap serta tidak ramai orang di persekitaran. Tambahan, anggota polis pada masa itu hanya berpakaian preman dan mereka masih tidak pasti yang datang itu adalah polis palsu atau tidak, walaupun kad kuasa ditunjukkan oleh anggota polis. Walau bagaimanapun, kedua OKT tidak cuba melarikan kereta atau diri atau melawan selepas mereka diarah keluar daripada kereta;

(i) polis melakukan pemeriksaan badan ke atas kedua-dua OKT sementara dalaman kereta diperiksa oleh SB5 (L/Kpl 175199, *Muhammad Amirul Hakim*) dan Konst 191308, Jong Tze Kiong. Hasil pemeriksaan itu didapati kedua-dua OKT tidak memiliki apa-apa barang salah pada badan mereka, akan tetapi OKT1 telah dibawa anggota polis dan ditekan kepalanya ke bawah tempat meletak kaki pemandu kereta tersebut dan ditunjuk dengan lampu suluh sebahagian bag kain (eksh P5A) yang tersorok di dalam ruangan di sekitar *gear box* melalui suatu celah sebesar ketebalan sebuah buku latihan. Pada ketika itu, *gear box* adalah ditutup dengan sekeping penutup plastik dan bag kain itu tidak dapat dilihat terus;

(j) akan tetapi bertentangan dengan keterangan SP2, SB5 di dalam keterangannya mengatakan dia *telah mengopak penutup plastic di atas ruangan gear box* baru menjumpai bag kain tersebut (P5A) dan pada ketika ia dijumpai, *ia berada dalam keadaan berzip*. Semasa SB5 menjalani pemeriksaan, beliau berada di tempat penumpang di hadapan kereta, manakala SP2 berada di luar kereta sebelah pemandu. Selepas SB5 menjumpai bag kain tersebut, beliau terus menyerahkannya kepada SP2; dan

(k) menurut emak OKT2, Lee How (SB3), dan abang ipar OKT2, Tan Jia Peng (SB4), seorang lelaki China yang bernama panggilan 'Ah Pek', umur 50 lebih hingga 60, telah datang berjumpa, kali pertama lebih kurang tiga minggu selepas OKT2 ditangkap, dan kali kedua lebih kurang lima bulan selepas OKT2 ditangkap. 'Ah Pek' mengatakan bahawa dia adalah kawan OKT2 dan memberitahu ibubapa OKT2 supaya jangan risau dan dia boleh menyelesaikan perkara ini. Pada kali kedua, dia juga suruh ibubapa OKT2 jangan mengupah peguam untuk OKT2

KEPUTUSAN DI AKHIR KESELERUHAN KES

[34] Di akhir kes pembelaan, mahkamah ini perlu mempertimbangkan semua keterangan yang telah dikemukakan oleh kedua-dua belah pihak dan perlu memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah. Seksyen 182A KTJ memperuntukkan seperti berikut:

182A Procedure at the conclusion of the trial.

(1) At the conclusion of the trial, the Court shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt.

(2) If the Court finds that the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall find the accused guilty and he may be convicted thereon.

(3) If the Court finds that the prosecution has not proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall record an order of acquittal.

[35] Dalam menilai kes pihak pembelaan, mahkamah ini telah berpandu kepada keputusan dalam kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ Rep 311 di mana Mahkamah Agung telah memutuskan bahawa sungguh pun seorang hakim bicara tidak menerima atau mempercayai versi seseorang tertuduh, dia tidak boleh disabitkan sehingga mahkamah berpuas hati atas sebab yang cukup bahawa versi tertuduh itu tidak menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kebenaran kes pendakwaan. Beban pembuktian sepanjang masa perbicaraan adalah atas bahu pihak pendakwaan untuk membuktikan

pertuduhan melampaui sebarang keraguan yang munasabah. Tertuduh tidak memikul sebarang beban pembuktian selain daripada 'evidential burden' untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kebenaran kes pihak pendakwaan. Hanya dalam keadaan sekiranya pihak pendakwaan bergantung kepada sesuatu anggapan bagi membuktikan sesuatu elemen yang penting dalam pertuduhan, beban pembuktian atas tertuduh bagi mematahkan anggapan itu adalah atas imbangan kebarangkalian (lihat *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89; [1968] 1 LNS 115).

[36] Seperti di dalam kes di hadapan kita sekarang ini di mana pihak pendakwaan bergantung kepada anggapan pengedaran di bawah s 37(da) ADB bagi pertuduhan pertama, maka beban atas tertuduh di atas imbangan kebarangkalian untuk mematahkan anggapan tersebut. Sebelum anggapan tersebut boleh diguna pakai, pihak pendakwaan terlebih dahulu hendaklah membuktikan elemen milikan.

[37] Persoalan seterusnya adakah tertuduh telah berhasil untuk mematahkan anggapan pengedaran atas imbangan kebarangkalian dan adakah pembelaan telah berhasil menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kebenaran kes pihak pendakwaan. Untuk itu saya telah meneliti kembali keterangan tertuduh bersesama dengan keterangan saksi-saksi pendakwaan terutama semasa soal-balas terhadap SP2 dan dibandingkan dengan keterangan pembelaan. Secara keseluruhannya saya dapati terdapat keraguan yang munasabah terhadap keterangan SP2 terutamanya keberadaan beg POOH (P5A) di dalam kereta tersebut yang mana SB5 dikatakan telah menemui beg kain tersebut yang terletak di bahagian *central compartment* kereta Honda Civic tersebut, dan beg dalam keadaan yang terbuka dan tidak berzip ketika ditangkap oleh SP2 dan anggota-anggotanya.

[38] Kedua-dua OKT dari mula lagi pada peringkat kes pendakwaan menyangkal dan menafikan dengan sekeras-kerasnya keterangan SP2 yang mengatakan SB5 telah menemui satu beg kain warna hijau tua bertulis 'POOH' (eksh P5A) yang terletak di bahagian *central compartment* kereta Honda Civic tersebut beg dalam keadaan yang terbuka.

[39] Pembelaan kedua-dua tertuduh bahawa beg tersebut ditemui di bahagian *central compartment* kereta Honda Civic tersebut beg dalam keadaan yang terbuka bukanlah sesuatu yang timbul pertama kali dalam kes pembelaan. Daripada keterangan, jelas bahawa tertuduh pada peluang yang paling awal, telah menyatakan pembelaannya kepada pegawai penyiasat (SP5) bahawa dia tidak mempunyai pengetahuan tentang dadah yang tersembunyi di dalam di bahagian *central compartment* kereta Honda Civic tersebut. Penilaian yang teliti dan berhati-hati terhadap keterangan SP2 dan SP5 berpadanan dengan pembelaan tertuduh bahawa, walaupun mereka berdua mempunyai kawalan

dan jagaan terhadap kereta tersebut, tetapi mereka tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang dipersoalkan.

[40] Walaupun SP2 merupakan seorang saksi polis, dan pada kebiasaannya keterangan saksi polis harus diterima masuk oleh mahkamah. Namun, keterangan SP2 harus dinilai dan diteliti dengan berhemah. Beban pembelaan adalah hanya untuk menimbulkan keraguan yang munasabah dan dalam kes ini pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah apabila SB5 yang merupakan orang pertama yang menjumpai beg tersebut telah dipanggil untuk menjadi saksi pembelaan dan keterangan beliau amat bercanggah secara menyeluruh terhadap keterangan yang diberikan oleh SP2 pada peringkat kes pendakwaan.

[41] Keterangan SP2 yang mana beliau dengan mengatakan bahawa semasa serbuan beliau telah mengarahkan L/KPL Amirul, (SB5) untuk menjalankan pemeriksaan di bahagian dalam kenderaan. SP2 mengatakan dengan tegasnya bahawa kedudukan beliau betul-betul di sebelah SB5 dan SP2 telah dengan sendiri nampak SB5 mengambil beg tersebut yang terletak di atas *central compartment* dengan tangannya dan beg kain tersebut boleh dilihat dengan mata kasar, beg tersebut tidak berzip dan beg tersebut seterusnya telah diserahkan kepada SP2 untuk pemeriksaan lanjut. SP2 mengatakan beg Pooh tersebut (P5A) memang terletak di atas *central compartment* dan semua orang nampak. Akan tetapi keterangan SB5 mengatakan disebaliknya. SB5 mengatakan beliau telah menjumpai beg P5A tersebut *di dalam central compartment* yang berhampiran gearbox dan bukannya di atas *central compartment* seperti mana dikatakan oleh SP2. SB5 di dalam keterangannya mengatakan seperti berikut:

Pemeriksaan Utama (Peguambela kepada Tertuduh Kedua):

S: Kamu diberikan arahan untuk menjalankan pemeriksaan di mana?
J: Dalam kereta.

S: Siapa yang beri arahan?
J: ASP Ng

S: Ada jalankan pemeriksaan dalam kenderaan tersebut?
J: Ada

S: Bila masuk dalam kenderaan, apa kamu nampak atau bagaimana menjalankan pemeriksaan?
J: Seperti biasa saya menjalankan pemeriksaan di bahagian hadapan kenderaan.

S: Bahagian hadapan maksud kiri atau kanan?
J: Kedua-dua

A

S: Kemudian?

J: Semasa saya menjalankan pemeriksaan di bahagian depan, saya telah menjumpai beg warna gelap berzip di dalam kotak gear kenderaan tersebut.

B

S: Apa maksud kotak gear? Boleh terangkan?

J: Saya terpaksa menunduk dan kopak plastic yang berada dalam kenderaan

S: Plastic ini plastic apa?

C J: Gearbox kotak tersebut

S: Adakah maksud kamu plastic cover yang menutupi ruang gearbox?

J: Ya.

D

S: Selepas kopak plastic, apa berlaku?

J: Selepas kopak, saya menjalankan pemeriksaan dan sentuh sesuatu bekas dan keluar bekas dan serah kepada ASP Ng

E S: Adakah maksud kamu beg berzip yang dijumpai selepas mengopak plastic gearbox?

J: Ya.

S: Maksud beg berzip berada di bawah plastic compartment gearbox?

F J: Ya.

S: Rujuk gambar central compartment P11(1–6)

J: Ya.

G

S: Gambar P11(2) boleh bagitau mahkamah, masa mula-mula masuk adakah central compartment sama macam dalam gambar?

J: Tidak.

H S: Bila masuk, kalau bukan seperti P11(2), bagaimana dengan situasi?

J: Sempurna, berpenutup dengan plastic cover

S: Kamu yang buka central compartment dan selepas buka baru jadi begini?

J: Ya.

I

S: Jumpa di mana zip beg berwarna gelap?

J: Tanda 'Y'

S: Dalam gambar P11, gambar tanda 'Y' adalah di mana kamu jumpa beg berzip?
J: Ya.

S: Sekiranya tak buka plastic compartment gearbox, boleh mencapai beg tersebut?
J: Tidak.

S: Adakah boleh cam dengan beg warna gelap berzip? Eksibit P9(1) dan (2). Adakah ini gambar beg warna gelap berzip yang kamu jumpai setelah membuka central compartment?
J: Ya.

S: Eksibit P5 — barang kes. Masa jumpai beg berzip warna gelap, dalam keadaan macam mana? Terbuka/ tertutup?
J: Tertutup.

S: Lepas jumpa beg ini, adakah membuka dan melihat kandungan? Atau terus serah kepada ASP Ng?
J: Terus serah kepada ASP Ng

S: Di manakah posisi atau kedudukan ASP Ng masa serah barang?
J: Di belakang saya, sebelah kanan saya, bahagian pemandu kenderaan, di luar kenderaan.

S: Selepas jumpa beg dan serahkan kepada ASP Ng, apa kamu buat?
J: Membuat kawalan terhadap OKT.

S: Ada apa-apa tindakan OKT-OKT untuk mengelak daripada ditahan?
J: Tiada.

S: P8, search list, mengikut P8, ada nyatakan beg dijumpai adalah beg berzip jenis hijau, Pooh?
J: Ya.

S: Pegawai yang jumpai?
J: L/KPL 175199, saya.
P8 disahkan

Pemeriksaan Balas:
S: Saya katakan L/KPL telah menemui beg berzip berisi dadah berdekatan dengan gearstick?
J: Dari dalam ruangan kotak gear

S: Di atas ruangan central compartment berdekatan dengan gearstick?
J: Tidak setuju.

S: Saya katakan beg yang ditemui dalam keadaan tidak berzip?
J: Tidak setuju.

S: Saya katakana juga lokasi beg boleh dilihat dengan mata terus?
J: Tidak setuju.

S: Katakan beg yang dijumpai dalam keadaan berzip boleh nampak isi kandungannya?
J: Tidak setuju.

S: Katakan dadah dalam beg dijumpai tanpa perlu mengumpil central compartment tersebut?
J: Tidak setuju.

[42] Dengan keterangan SB5 sedemikian maka jagaan dan kawalan tidak dapat dibuktikan memandangkan beg tersebut telah dijumpai di dalam *central compartment* yang berhampiran *gearbox* dan bukannya di atas *central compartment*, beg tersebut tidak boleh dilihat dengan mata kasar, beg tersebut dalam keadaan tertutup. Dakwaan pihak pendakwaan bahawa tertuduh-tertuduh mempunyai pengetahuan kerana SP2 dikatakan nampak tangan mereka telah cuba mencapai sesuatu dengan tangan di gearbox semasa serbuan sememangnya tidak wujud sama kali dan rekaan SP2 semata-mata. Ini kerana adalah jelas bahawa beg tersebut berada di dalam *central compartment* dan tidak mungkin keadaan ini boleh berlaku. Oleh itu, dengan percanggahan material tersebut maka timbul inferens yang amat kuat bahawa dadah tidak ditemui di lokasi sepertimana yang dinyatakan menerusi keterangan SP2.

[43] Pihak pendakwaan pada mulanya ingin mencabar kredibilit SB5 akan tetapi telah ditarik balik apabila menyedari bahawa rakaman percakapan tidak pernah diambil dari SB5 semasa penyiasatan.

[44] Di dalam keadaan biasa, keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi polis wajar diterima oleh mahkamah sekiranya ia boleh dipercayai dan diyakini walaupun tidak disokong oleh keterangan bebas yang lain. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna keterangan saksi-saksi polis hendaklah diterima dalam apa jua keadaan pun. Pandangan sedemikian dapat dilihat di dalam kes *Kesavan Krishnan lwn Public Prosecutor & Satu Lagi Rayuan* [2015] 6 CLJ 163, di mana Mahkamah Rayuan telah memutuskan:

[40] Adalah tidak dipertikaikan bahawa keterangan saksi-saksi polis hendaklah

diterima jika keterangan tersebut didapati munasabah (lihat *Public Prosecutor v Mohamed Ali* [1962] MLJ 257; [1962] 1 LNS 129*; Public Prosecutor lwn Aedy Osman* [2009] 1 LNS 13*; Public Prosecutor v Abdul Latif Sakimin* [2005] 6 MLJ 351; [2009] 1 LNS 130). Pada pandangan kami, proposisi undang-undang bahawa keterangan saksi-saksi polis hendaklah secara prima facie diterima oleh mahkamah tidak boleh dipakai secara universal tanpa pengecualian. Ia banyak bergantung kepada fakta dan keadaan yang wujud dalam sesuatu kes.

[41] Dalam kes *State and Raymond Titus* (High Court Ref No 13858), Mahkamah Tinggi Afrika Selatan membincangkan mengenai pendekatan yang perlu diambil dalam menilai keterangan saksi polis seperti berikut:

> [11] As noted earlier, the fact that Horn was a policeman did not per se entitle his evidence to greater weight than that of the accused nor constitute a basis for laying caution to rest. It is true that the accused in the present case, if he was guilty, had a motive to testify dishonestly, ie to avoid conviction and punishment; but this is true in virtually every criminal case. Furthermore, and while one naturally does not expect a policeman to lie and falsely implicate an accused person, it is unfortunately not possible to say that this never happens. Police officials may have a desire to obtain convictions, particularly where a suspect is known to them as a person who has had previous brushes with the law or is one whom they suspect for other reasons (not founded in the evidence before the court) of having engaged in criminal activity. I do not for a moment suggest that the majority of policeman would behave in this way but, where an accused protests his innocence, one cannot dismiss it out of hand as being by its very nature a far-fetched possibility.

[45] Dalam kes *Tahir v State (Delhi)* [1996] 3 SCC 338, Mahkamah Agung India memutuskan:

> 6 ... In our opinion no infirmity attaches to the testimony of the police officials, merely because they belong to the police force and there is no rule of law or evidence which lays down that conviction cannot be recorded on the evidence of the police officials, if found reliable, unless corroborated by some independent evidence. The Rule of Prudence, however, only requires a more careful scrutiny of their evidence, since they can be said to be interested in the result of the case projected by them. Where the evidence of the police officials, after careful scrutiny, inspires confidence and is found to be trustworthy and reliable, it can form basis of conviction and the absence of some independent witness of the locality to lend corroboration to their evidence, does not in any way affect the creditworthiness of the prosecution case.

[46] Berbalik di dalam kes kita sekarang ini, mahkamah merasakan, keterangan SP2 di dalam kes ini harus dinilai dan diteliti dengan berhemah. Mahkamah boleh menanggap SP2 merupakan seorang 'untruthful witness' dan seorang pegawai serbuan yang tidak bercakap benar dan ketiadaan keterangan yang kredible bagi elemen pemilikan, dan elemen pemilikan tidak dapat dibuktikan. Kemungkinan beliau tidak bercakap benar kerana terlalu berhasrat untuk mendapat sabitan terhadap kedua-dua tertuduh dengan mengabaikan keterangan yang benar-benar berlaku pada hari tersebut.

A **[47]** Beban pembelaan adalah hanya untuk menimbulkan keraguan yang munasabah di mana dalam kes ini pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah apabila SB5 yang merupakan orang pertama yang menjumpai beg tersebut telah dipanggil untuk menjadi saksi dan mengemukakan keterangan yang bercanggah secara menyeluruh terhadap
B keterangan yang diberikan oleh SP2 pada peringkat kes pendakwaan.

[48] Pihak pembelaan telahpun membangkitkan isu pada peringkat kes pendakwaan di mana SP4 (pemilik kereta) masih mempunyai kunci kereta tersebut dan oleh itu pihak pendakwaan telah gagal membuktikan bahawa
C kedua-dua tertuduh mempunyai milikan secara eksklusif terhadap kereta tersebut sepertimana dalam kes *Ibrahim Mohamad & Anor v Public Prosecutor* [2011] MLJU 1491; [2011] 4 CLJ 113. Harus juga diingatkan di sini bahawa SP2 telah membuat serbuan tersebut berdasarkan matlumat dan
D kereta tersebut telah berada di dalam milikan SP4 sebelum ini dan beliau juga masih lagi mempunyai kunci pendua kereta tersebut. Maka suatu inferens yang kuat boleh dibuat bahawa kemungkinan ini adalah suatu kes perangkap untuk mengenakan kedua-dua tertuduh dan dadah tersebut telah sengaja diletak di situ oleh pihak lain.

E

[49] Keterangan membela diri tertuduh bukanlah terjumlah kepada satu pemikiran terkemudian, atau satu rekaan, atau satu penafian semata-mata. Butir-butir pembelaan tertuduh telah pun dicadangkan kepada saksi-saksi pendakwaan sejak dari awal lagi dan seterusnya disahkan dalam keterangan
F bersumpah oleh tertuduh dan disokong oleh keterangan bersumpah SB5.

[50] Percanggahan material di dalam keterangan SP2 dan SBP5 berbanding dengan keterangan SB5 menyebabkan wujud persoalan dan kesangsian tentang lokasi sebenar dadah tersebut dijumpai. Oleh yang demikian saya
G dapati tidak ada dapatan yang boleh dibuat tentang hubungkait kedua-dua tertuduh dengan dadah yang ditemui dalam keadaan wujudnya persoalan berkenaan lokasi sebenar penemuan dadah tersebut. Didapati tiada keterangan yang meyakinkan tentang lokasi sebenar dadah tersebut ditemui dan keadaan ini adalah sangat material bagi menunjukkan OKT mempunyai actus reus atau
H milikan fizikal terhadap dadah tersebut. Dengan dapatan fakta ini terdapat darjah kemungkinan yang tinggi dapat dibuat bahawa tertuduh-tertuduh tidak tahu tentang kewujudan paket tersebut di dalam kereta tersebut sebelum mereka ditangkap.

I **[51]** Saya bersetuju dengan hujahan pembelaan bahawa dengan adanya ketidakpastian tentang lokasi dadah tersebut ditemui menyebabkan tiada dapatan dapat dibuat berkenaan sama ada OKT mempunyai *pengetahuan* dan *kawalan* serta *jagaan* terhadap dadah tersebut yang menjadi keperluan dalam pembuktian elemen pemilikan. Selain itu tiada keterangan langsung dan tiada

keterangan saintifik seperti cap jari dan DNA untuk mengaitkan tertuduh dengan barang kes dadah. Dalam keadaan terdapat beberapa andaian, maka andaian atau inferen yang memihak kepada tertuduh hendaklah diterima oleh mahkamah.

[52] Memandangkan pendakwaan bergantung kepada anggapan pengedaran di bawah s 37(da) ADB, maka pendakwaan tertanggung untuk membuktikan pemilikan sebenar oleh tertuduh ke atas dadah tersebut. Walau bagaimanapun, memandangkan pendakwaan gagal membuktikan pemilikan sebenar, maka anggapan di bawah seksyen ini tidak beroperasi untuk membuktikan bahawa tertuduh mengedar dadah tersebut. Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah ini memutuskan bahawa wujudnya percanggahan-percanggahan material dalam keterangan saksi-saksi utama pihak pendakwaan, tidaklah boleh diputuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya dengan keterangan jelas (*clear*), kukuh (*cogent*) dan meyakinkan (*convincing and reliable*) terhadap kedua-dua tertuduh tanpa keraguan yang munasabah.

[53] Keterangan membela diri tertuduh bukanlah terjumlah kepada satu pemikiran terkemudian, atau satu rekaan, atau satu penafian semata-mata. Butir-butir pembelaan tertuduh telah pun dicadangkan kepada saksi-saksi pendakwaan sejak dari awal lagi dan seterusnya disahkan dalam keterangan bersumpah oleh tertuduh dan disokong oleh keterangan bersumpah SD2. Pembelaan tertuduh telah berjaya menimbulkan satu keraguan yang munasabah terhadap kebenaran kes prima facie pihak pendakwaan.

KESIMPULAN

[54] Atas keseluruhan dan keadaan sedia ada, di atas imbangan keberangkalian kedua-dua tertuduh telah mematahkan anggapan di bawah s 37(d) ADB dan telah membangkitkan keraguan munasabah atas kes pihak pendakwaan. Kedua-dua tertuduh adalah konsisten dari masa dia ditangkap dan sepanjang perbicaraan bahawa mereka dia tidak mempunyai pengetahuan tentang dadah tersebut berada di dalam kenderaan Honda tersebut.

[55] Atas alasan-alasan yang tersebut di atas, saya berpuas hati dan mendapati atas pertimbangan yang maksima bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kedua-dua pertuduhan terhadap kedua-dua tertuduh pada tahap melampaui sebarang keraguan yang munasabah. Oleh itu saya memerintahkan kedua-dua tertuduh dilepas dan dibebaskan daripada kedua-dua pertuduhan yang dihadapkan kepada mereka.

[56] Oleh yang demikian kedua-dua tertuduh dilepaskan dan dibebaskan dari kedua-dua pertuduhan yang dikenakan terhadap mereka berdua.

A *Tertuduh-tertuduh dilepaskan dan dibebaskan dari kedua-dua pertuduhan.*

Dilaporkan oleh Izzat Fauzan

B

C

D

E

F

G

H

I